

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN**

Ruj. Kami : ANM (T) 81/41/25/2 (32)

Tarikh: 8 Oktober 2012

PERKARA	KURSUS SIRI 9/2012: PENGURUSAN FAIL DAN SURAT RASMI KERAJAAN	
DARIPADA	KPPK SKPSM 1	
KEPADA	SEMUA PENGARAH BAHAGIAN TP SKP	Salinan : ANM TAN (K) TAN (O) } Yg. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan dijemput hadir

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengambil maklum akan saranan Pegawai Audit SSR dengan menganjurkan kursus bertajuk "Pengurusan Fail Dan Surat Rasmi Kerajaan". Objektif kursus ialah untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai di JANM akan tatacara menguruskan surat-surat rasmi kerajaan dan memfailkannya mengikut tatacara yang betul. Kursus ini akan disampaikan oleh Penceramah daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Kursus akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 15 Oktober 2012 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Dewan Serbaguna JANM
Aras 7, JANM Putrajaya

3. Sehubungan dengan itu, semua pegawai tuan, terutama yang menguruskan sistem fail dan surat menyurat, serta pegawai penyelia adalah dikehendaki hadir. Semua pegawai yang akan menghadiri kursus ini hendaklah membuat pendaftaran mulai **9.10.2012** secara **atas talian (online) di website Jabatan (www.anm.gov.my)**.

4. Selaras dengan amalan perbelanjaan berhemah, semua pegawai yang telah mendaftarkan nama adalah **diwajibkan menghadiri** kursus dan perlu mendapatkan **pengganti** jika tidak dapat berbuat demikian atas sebab-sebab yang munasabah. Sijil kehadiran bagi peserta yang hadir sepenuhnya kursus ini, boleh dimuat turun selepas 14 hari kursus selesai dijalankan. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kursus boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Puan Fadzilah binti Jaafar Sidek	-	03-88821056
Encik Mohd Rizal bin Sanosi	-	03-88821185

Sekian, terima kasih.

'Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan'



(ZAIDA AZIAN BINTI SHAFIEI)

Samb. tel. : 1035

e-mail : zaida@anm.gov.my